

27 FEB 1997

SAMBUTAN RASMI UNTUK PERDANA MENTERI THAI

KUALA LUMPUR, 27 Feb (Bernama) -- Perdana Menteri Thai Jeneral Chavalit Yongchaiyudh, yang tiba di sini hari ini untuk lawatan rasmi dua hari, diberi sambutan rasmi di Medan Parlimen.

Chavalit dan isteri, Phankrua, disambut oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Datin Seri Dr Siti Hasmah.

Chavalit kemudian memeriksa barisan kehormat terdiri daripada tiga pegawai dan 104 anggota dari Batalion Pertama Rejimen Melayu Diraja yang diketuai Mej Hamdi Abd Rahman.

Beliau kemudian diperkenalkan kepada Kabinet Malaysia dan diplomat-diplomat asing.

Chavalit dijadualkan mengunjungi Dr Mahathir di pejabatnya tengah hari ini.

-- BERNAMA

JM NAK